

Soalan Lazim – Diskaun Muhibah

| Soalan | Jawapan |
|--|---|
| <p>Bagaimanakah Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026 ("HPAA") memberi kesan kepada pelanggan sedia ada dengan perjanjian sewa beli kadar tetap di bawah Peraturan 78 ?</p> | <p>Pelanggan yang terus membayar ansuran bulanan mereka sehingga tamat tempoh pinjaman atau pembiayaan tidak akan terjejas.</p> <p>Bagi pelanggan layak sedia ada yang membuat penyelesaian awal pembiayaan sewa beli kadar tetap mereka, kami menawarkan diskaun muhibah ke atas baki bersih yang perlu dibayar.</p> |
| <p>Apakah peraturan 78?</p> | <p>Peraturan 78 adalah satu kaedah pengiraan yang diiktiraf di bawah Akta Sewa Beli di mana kos keuntungan diberatkan secara ketara ke arah permulaan jadual pembiayaan. Kesannya, memandangkan sebahagian besar keuntungan dikutip di peringkat awal, pelanggan akan menerima rebat berkanun yang lebih rendah sekiranya berlaku penyelesaian awal.</p> |
| <p>Apakah diskaun muhibah?</p> | <p>Diskaun muhibah adalah langkah seluruh industri yang direka untuk memberikan pelanggan yang terjejas layanan yang setanding dengan pelanggan baharu di bawah HPAA apabila mereka memilih untuk menyelesaikan pembiayaan sewa beli mereka lebih awal.</p> <p>Diskaun muhibah akan diberikan kepada pelanggan sewa beli yang layak yang memilih untuk penyelesaian awal.</p> |
| <p>Siapakah yang layak untuk diskaun muhibah?</p> | <p>Individu dan perniagaan mikro atau kecil dengan perjanjian sewa beli kadar tetap dan/atau yang menggunakan kaedah Peraturan 78:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dimeterai sebelum HPAA berkuat kuasa; atau • Dimeterai semasa tempoh tangguh 18 bulan yang dibenarkan di bawah Akta yang dipinda; dan • Memilih untuk menyelesaikan pembiayaan sewa beli mereka lebih awal iaitu pada bila-bila masa sebelum kematangan pembiayaan. |
| <p>Adakah diskaun muhibah tersedia untuk semua pelanggan layak sedia ada dengan perjanjian sewa beli kadar tetap yang membuat penyelesaian awal pembiayaan mereka?</p> | <p>Tidak. Pelanggan dengan akaun sewa beli yang termasuk dalam senarai berikut tidak layak mendapat diskaun muhibah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mempunyai tunggakan melebihi 90 hari pada masa penyelesaian awal; ii. Sedang menjalani prosiding undang-undang, atau telah dikeluarkan perintah pemilikan semula (Repossession); iii. Di bawah penstrukturan dan penjadualan semula (R&R) sedia ada; dan/atau iv. Berdaftar dalam program pengurusan hutang. |

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| Adakah perjanjian sewa beli Islamik disertakan? | Ya, asalkan mereka menggunakan Peraturan 78 untuk pengiraan caj terma. |
| Bilakah tarikh pelaksanaan diskaun muhibah? | Diskaun muhibah akan berkuat kuasa pada tarikh yang sama dengan tarikh kuat kuasa HPAA, iaitu pada 1 Jun 2026. |
| Bolehkah anda kongsikan pengiraan diskaun muhibah? | Pengiraan tepat dan jumlah diskaun muhibah akan diterangkan kepada pelanggan semasa permohonan penyelesaian awal. |
| Bagaimanakah jika saya memilih untuk mengekalkan jadual pembayaran semasa saya? | Sekiranya anda memilih untuk kekal mengikut jadual pembayaran asal sehingga tamat tempoh, anda tidak akan terjejas dengan perubahan ini. Anda boleh meneruskan pembayaran jumlah ansuran sedia ada seperti biasa, dan tiada tindakan lanjut diperlukan daripada pihak anda. |
| Saya adalah pelanggan baharu. Adakah saya berada dalam kerugian jika saya menandatangani perjanjian sewa beli hari ini? Patutkah saya menunggu sehingga kaedah baki berkurangan menggantikan Peraturan 78 secara efektif? | Diskaun muhibah direka untuk meringankan kesan kaedah Peraturan 78 bagi memastikan pelanggan dengan perjanjian sewa beli kadar tetap tidak mengalami kerugian besar berbanding pelanggan dengan perjanjian yang menggunakan kaedah baki berkurangan pada masa hadapan. |
| Berapa lamakah diskaun muhibah tersedia? | Diskaun muhibah akan terus ditawarkan kepada pelanggan sewa beli yang layak sehingga semua perjanjian sewa beli kadar tetap yang menggunakan kaedah Peraturan 78 telah mencapai tempoh matang sepenuhnya atau telah diselesaikan lebih awal. |